

The logo of Bank Rakyat, featuring a stylized white 'B' shape composed of geometric lines, set against an orange background.


INISIATIF WAKAF DAN SEDEKAH DI BANK RAKYAT


Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan 2011-2020 menggariskan keperluan rangkuman kewangan (financial inclusion) untuk memperkasakan masyarakat dengan perkhidmatan perbankan.

Inisiatif MyWakaf oleh BNM merupakan satu instrumen ekonomi yang berasaskan masyarakat ternilai filantropi (kedermawanan) mampu menjayakan objektif rangkuman kewangan seterusnya memberi perkhidmatan terbaik kepada setiap lapisan utamanya yang kurang berkemampuan bagi membolehkan mereka menerima perkhidmatan dan bantuan yang berkualiti dalam memenuhi keperluan mereka demi kemakmuran bersama.

BNM melalui Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) telah menggalakkan Bank-bank Islam untuk bekerjasama dan menyeragamkan pelan tindakan Inisiatif Dana Wakaf di antara Bank-bank Islam dalam membangunkan potensi wakaf dan memperkasa ekonomi ummah di Malaysia.

Buat masa ini, terdapat enam Bank-bank Islam yang terlibat di dalam pelaksanaan wakaf iaitu Bank Rakyat, Affin Islamic Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Maybank Islamic Berhad dan RHB Islamic Malaysia Berhad.







JUMLAH KUTIPAN: RM1,430,273.00

** Setakat 31 Disember 2022*

Bank Rakyat bersama-sama 5 Bank Islam yang lain telah menandatangani perjanjian Usahasama Strategik dengan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM).

Bank Rakyat kemudiannya berjaya menandatangani Perjanjian Usahasama Dana Wakaf bersama Majlis Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 24 Oktober 2018.

Memilih Pusat Hemodialisis MAIDAM yang terletak di Taman Alamanda, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu sebagai projek pertama Dana Wakaf ini.





JUMLAH KUTIPAN: RM768,042.94

** Setakat 31 Disember 2022*



Yayasan Waqaf Malaysia

Yayasan Waqaf Malaysia ialah entiti wakaf kebangsaan. Ianya telah ditubuhkan dengan rasminya pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952 oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Kerjasama ini dilancarkan pada 13 April 2021. Kedua-dua YWM dan Bank Rakyat mengiktiraf nilai kerjasama dalam memperkasa pembangunan sosio-ekonomi melalui wakaf tunai. Oleh itu, kedua-dua pihak bersetuju memfokuskan pengagihan kepada 4 sektor iaitu Pendidikan, Kesihatan, Alam Sekitar dan Pemerikasaan Ekonomi.



JUMLAH KUTIPAN: RM325,334.72

** Setakat 31 Disember 2022*



Kolej Profesional Baitulmal (KPB-MAIWP) ditubuhkan untuk memberi peluang kepada pelajar kategori asnaf untuk mendapatkan pendidikan tinggi dalam suasana yang kondusif ke arah matlamat meningkatkan taraf kehidupan dan mengeluarkan diri dan keluarga daripada kepompong asnaf.

Bank Rakyat dan KPBKL telah menandatangani perjanjian pada 19 Jun 2020 untuk mempromosi, mengumpul dan mengurus bersama Dana Wakaf Tunai. Dana yang dikumpul akan digunakan untuk faedah komuniti kolej.



JUMLAH KUTIPAN: RM83,205.00

** Setakat 31 Disember 2022*



Kerjasama ini diperkukuhkan menerusi pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) Projek Wakaf Tunai UKM-Bank Rakyat pada 3 Ogos 2022 dalam usaha menyediakan saluran dan pengurusan kutipan wakaf tunai.

Hal ini membolehkan Bank Rakyat membantu UKM dalam mempromosi, mengumpul dan bersama-sama mengurus serta mentadbir Dana Wakaf yang diterima apabila orang ramai berwakaf kepada UKM di semua kaunter Bank Rakyat.

Wakaf tunai yang diberikan akan disalurkan bagi tujuan kebajikan, pendidikan dan pembangunan yang akan memberikan manfaat kepada orang ramai khususnya warga UKM.



JUMLAH KUTIPAN: RM797,620.92

** Setakat 31 Disember 2022*

Jāriah Al-Barakah merupakan inisiatif Surau Al-Barakah Bank Rakyat dengan kerjasama Bank Rakyat bagi menggalakkan warga kerja dan masyarakat untuk mengerjakan amalan bersedekah kepada golongan yang memerlukan. Jāriah Al-Barakah membawa maksud keberkatan yang terus menerus mengalir/berjalan.

Kutipan sumbangan projek khas ini terhad pada satu tempoh yang telah ditetapkan:

1. Bantuan Asnaf dan B40 (RM29,500.00)
2. Bantuan Mangsa Covid-19 (RM38,820.15)
3. Bantuan Yuran Pengajian (RM85,977.00)



SEKIAN, TERIMA KASIH